

JANUARY 2025

# e-Lingua 1/2025



Academy of Language Studies  
UiTM Cawangan Pulau Pinang



## Table of contents



<u>From the Editorial Team</u>	3
<u>Department News &amp; Reports</u>	4
<u>Club News &amp; Report</u>	27
<u>Self-Love First</u>	39
<u>Travelling</u>	46
<u>Home Garden</u>	58
<u>Teaching &amp; Learning</u>	64
<u>Lecturer's Contribution</u>	68
<u>Creative Writing</u>	81
<u>The Team</u>	90

# Program Motivasi di SMK Permatang Pasir, Seberang Perai

Oleh: Rofiza Aboo Bakar



23

Pada 14 November, 2024, Sekolah Menengah Kebangsaan Permatang Pasir, Seberang Perai, Pulau Pinang telah menganjurkan satu program motivasi untuk membantu para pelajar yang bakal menghadapi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Antara yang diberi penekanan ialah usaha meningkatkan keyakinan dan kemahiran komunikasi dalam Bahasa Inggeris. Program ini menampilkan Profesor Madya Dr. Rofiza Aboo Bakar dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang, sebagai penceramah jemputan memandangkan beliau berkepakaran dalam bidang Psikologi Pendidikan.

Program ini bermula dengan sesi membina keyakinan, di mana pelajar diajar teknik visualisasi untuk membayangkan kejayaan, seperti menjawab soalan peperiksaan dengan yakin. Selain itu, teknik 'positive self-talk' turut ditekankan, iaitu pelajar digalakkan menggantikan pemikiran negatif seperti "Saya gugup" kepada "Saya teruja." Latihan bercakap di hadapan cermin atau bersama rakan juga disarankan sebagai cara praktikal untuk meningkatkan keyakinan diri, khususnya dalam penggunaan Bahasa Inggeris.

Sesi diteruskan dengan memberi tumpuan kepada strategi memperbaiki sebutan dan kelancaran berbahasa. Dr. Rofiza berkongsi tip mudah untuk menguasai bunyi-bunyi yang lazim dalam Bahasa Inggeris tetapi jarang digunakan dalam Bahasa Melayu. Pelajar turut diberi panduan untuk bercakap dengan lebih perlahan dan jelas melalui teknik kawalan tempo. Para pelajar memberi maklum balas bahawa teknik teknik yang dikongsi bukan sahaja berguna untuk peperiksaan, tetapi juga untuk komunikasi harian.



Program ini merupakan sebahagian daripada usaha menyokong pelajar di sekolah luar bandar. Program ini berhasrat membina kemahiran asas yang penting untuk kecemerlangan akademik dan perkembangan diri mereka.

Pihak sekolah telah merakamkan penghargaan kepada Dr. Rofiza atas perkongsian beliau yang telah menyuntik semangat kepada para pelajar. Semoga mereka berjaya menghadapi cabaran akademik dengan lebih yakin dan bersemangat.